

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD. KADIR  
[ SETIU ]**

**TARIKH : 04 NOVEMBER 2020 (RABU)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah-langkah Kementerian dalam menyelesaikan isu guru bertugas sebagai warden asrama yang membebankan para guru.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengambil maklum cabaran serta beban tugas guru yang dilantik sebagai Warden Asrama dan KPM sentiasa berusaha melaksanakan penambahbaikan. Antaranya, KPM telah mengambil langkah memperluaskan pelantikan Warden Asrama kepada kakitangan bukan guru gred 19 dan ke atas pada tahun 2019 bagi mengoptimumkan penggunaan sumber manusia di sekolah.

KPM juga telah melaksanakan beberapa inisiatif bagi mengurangkan beban tugas Warden Asrama seperti berikut:

- a) Penglibatan Warden Asrama dalam aktiviti kurikulum diminimumkan;
- b) Pengecualian Warden Asrama daripada dilantik menjadi Guru Kelas; dan
- c) Pengecualian Warden Asrama daripada mengajar pada waktu pertama di sekolah bagi membolehkan mereka memberi fokus kepada pengurusan di asrama pada awal pagi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM sedang melaksanakan Kajian Penambahbaikan Portfolio Warden Asrama di Sekolah-sekolah Berasrama KPM bermula Februari 2020 dan dijangka siap pada Disember 2020. Kajian ini adalah bagi meneliti alternatif terbaik berdasarkan cadangan dan pandangan daripada pihak yang berkepentingan.

Di samping itu, KPM juga sedang meneliti dan memperhalusi beberapa cadangan penambahbaikan bagi memantapkan portfolio Warden Asrama. Cadangan ini melibatkan pelbagai perkara seperti sumber manusia, tadbir urus, keselamatan dan kemudahan infrastruktur. Cadangan penambahbaikan ini akan melibatkan penekanan kepada aspek keselamatan serta kebajikan guru dan murid secara menyeluruh. Sekian, terima kasih.